


Pusat Khidmat Pelanggan

 Hubungi **1 300 80 3030**
pada kadar tempatan

 +603 2171 3030

 amassurance-general@ambankgroup.com

 Taip AmG<jarak>mesaj
Hantar ke 33911 (AmAlert)

LAMPIRAN PENYATAAN PRODUK untuk Polisi AmElite Auto Trade Protection Package (Pakej Perlindungan Dagangan Kenderaan AmElite)

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi AmElite Auto Trade Protection Package (Pakej Perlindungan Dagangan Kenderaan AmElite) ini. Pastikan anda juga telah membaca terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah perincian produk ini?

Polisi ini adalah khas untuk Perniagaan Dagangan Kenderaan, contohnya peniaga kereta, bengkel atau pusat servis motor dan dagangan yang seumpamanya.

Produk ini melindungi:-

- Bahagian I Kebakaran dan Malapetaka Khusus
- Bahagian II Kecurian
- Bahagian III Wang
- Bahagian IV Kepingan Kaca
- Bahagian V Liabiliti Awam
- Bahagian VI Kemalangan Peribadi
- Bahagian VII Kos untuk penggantian Dokumen

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:-

- Bahagian I – Kerugian atau kerosakan oleh kebakaran atau Malapetaka Khusus
- Bahagian II – Kerugian atau kerosakan oleh kebakaran, kecurian atau kerosakan secara kemalangan
- Bahagian III – Kerugian akibat kecurian dengan kemasukan secara kekerasan
- Bahagian IV – Kerugian Wang semasa transit atau disimpan di dalam premis anda
- Bahagian V – Kerosakan akibat kemalangan kepada kaca pegun di premis anda
- Bahagian VI – Ketidakjujuran pekerja anda
- Bahagian VII – Kerugian atau kerosakan kepada Harta atau kecederaan tubuh badan Pihak Ketiga akibat kecuaiannya
- Bahagian VIII – Liabiliti kepada pekerja anda untuk kecederaan atau penyakit yang dialami sewaktu di bawah penggajian anda
- Bahagian VIII – Kematian & Hilang Upaya Kekal untuk Tetamu Hotel akibat kemalangan sewaktu menginap di hotel.

3. Berapakah jumlah premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar bergantung kepada nilai diinsuranskan untuk setiap Bahagian.

	Nilai Diinsuranskan	Premium (RM)
- Kebakaran dan Malapetaka Khusus		
- Kecurian		
- Wang		
- Kepingan Kaca		
- Liabiliti Awam		
- Kemalangan Peribadi		

4. Apakah jumlah yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Apakah yang perlu anda bayar selain premium

Cukai perkhidmatan (jika ada)

Duti setem

Jumlah

5% daripada premium

RM10.00

Perkara yang termasuk di dalam premium

Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)

Jumlah

15% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan – Anda perlu mendedahkan kesemua fakta yang anda ketahui atau perlu ketahui; atau polisi anda mungkin menjadi tidak sah
- Anda mesti memastikan hartanah anda diinsuranskan pada nilai yang bersesuaian dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dibuat kepada hartanah anda
- Lebihan nilai, iaitu jumlah yang anda tanggung sebelum kami memberikan pampasan kepada anda.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh atau akibat daripada:

- Peperangan, Perang Saudara dan sebarang tindakan Keganasan
- Risiko tenaga nuklear dan keradioaktifan
- Pengiktirafan tarikh
- Kerosakan harta akibat perisian data
- Bahagian 'Liabiliti terhadap Orang Awam' tidak melindungi sebarang kecederaan berkaitan asbestos atau kerosakan melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, penyingkiran, penghapusan atau pengelakkan terhadap asbestos atau potensi pendedahan kepada asbestos

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Sebaik pembatalan, anda berhak menerima pulangan bayaran premium ditolak premium berdasarkan kadar tempoh pendek* kami untuk tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang disimpan oleh kami. Tiada premium akan dikembalikan jika terdapat tuntutan dibuat di bawah polisi ini.

*** Jadual Kadar Tempoh Pendek**

Tempoh Tidak Melebihi	Premium Tahunan Dikembalikan
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada pulangan bayaran

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan mengenai maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di :

AmG Insurance Berhad
Tingkat 9, Bangunan AmAssurance,
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia

Pusat Perkhidmatan Pelanggan
Tingkat Bawah, Bangunan AmAssurance
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.
Tel: 1 300 80 3030 Faks: (603) 21713030
E-Mel: amassurance-general@ambankgroup.com
Laman web: <https://www.amassurance.com.my>

10. Produk lain dengan perlindungan asas dan lanjutan yang boleh didapati

Sila rujuk cawangan dan ejen-ejen kami untuk maklumat mengenai jenis-jenis perlindungan seumpamanya yang disediakan.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU BERHUBUNG TERUS DENGAN SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.